

12/05/1998

Bantuan AS\$250j kepada Indonesia

Mior Kamarul Shahid; Jamhariah Jaafar in Kaherah
KAHERAH, Isnin - Malaysia memberi pinjaman AS\$250 juta kepada Indonesia ketika republik itu menanti suntikan kewangan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi membantu memulihkan ekonominya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Indonesia akan membayar balik pinjaman itu sebaik saja IMF mengeluarkan wang yang dijanjikan di bawah pakej bantuannya kepada republik berkenaan.

Pinjaman itu adalah sebahagian daripada pinjaman AS\$1 bilion yang dijanjikan Malaysia sebelum ini.

"Bantuan segera itu diperlukan kerana keadaan ekonomi Indonesia semakin meruncing hingga mencetuskan rusuhan pelajar ekoran penarikan balik subsidi harga minyak seperti disyaratkan oleh pakej IMF itu," katanya.

Bercakap kepada sekumpulan pelajar Malaysia di kediaman Duta Besar Malaysia ke Mesir di sini semalam, beliau berkata akibat krisis kewangan di kedua-dua negara, mata wang Indonesia jatuh lebih 400 peratus, manakala mata wang Malaysia lebih 50 peratus.

Menurut beliau, Bank Dunia menjanjikan pinjaman AS\$3 bilion kepada Indonesia sebagai sebahagian daripada pakej IMF, tetapi IMF berkata ia akan mengeluarkan bantuan itu dalam tiga peringkat, setiap satu sebanyak AS\$1 bilion.

"Indonesia berharap akan dapat AS\$3 bilion, sebab itu Indonesia terpaksa mendapat pendahuluan penyambung. Mereka mendapat sebahagian lagi daripada Jepun dan Australia.

"Kita cuba menolong setakat yang kita boleh," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto yang kini berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G15) yang bermula hari ini, Dr Mahathir berkata beliau mungkin berbuat demikian.

Ditanya sama ada Malaysia sebagai jiran Indonesia 'bimbang' mengenai situasi di republik itu sekarang ekoran rusuhan pelajar, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh campur tangan dalam urusan rumah tangga jiran kita, tetapi setakat yang boleh, kita akan bantu."

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata jumlah AS\$250 juta itu adalah pembayaran pertama daripada pinjaman AS\$1 bilion yang dijanjikan sebelum ini.

"Sumbangan itu adalah sebahagian daripada pakej bantuan pinjaman kepada Indonesia yang akan dibayar serentak dengan penyerahan AS\$1 bilion oleh IMF bersama bantuan daripada Jepun dan Australia.

"Dalam perbincangan dengan Indonesia, kita diminta mendahulukan AS\$250 juta itu bersama pakej dalam sumbangan pertama IMF, Jepun dan Australia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Kewangan Indonesia, Fuad Bawazier, di sini hari ini. Malaysia menawarkan bantuan AS\$1 bilion ketika Anwar mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto mengenai krisis mata wang di Jakarta, Oktober tahun lalu.

Anwar menjelaskan, sepatutnya pinjaman RM1 bilion itu diserahkan pada pelan reformasi Indonesia peringkat kedua, tetapi kerajaan republik itu meminta Malaysia mendahulukan AS\$250 juta.

"Kita fikir adalah wajar kita berikan komitmen kerana ini menunjukkan keyakinan kita terhadap usaha-usaha pemulihan yang sedang dilaksanakan

pemerintah Indonesia.

"Ini adalah (bukti) keyakinan kita pada kesungguhan serta komitmen mereka dalam mengadakan reformasi ekonomi mengikut jadualkan mereka mereka tetapkan," tegasnya.

Menjawab soalan, Anwar menjelaskan pakej terbabit adalah berupa pakej bantuan pinjaman bukannya derma seperti yang dibimbangkan oleh pembangkang.

(END)